

05 JUN 1997

Umno-Pecat

SITI ZAINAB DIPECAT DARIPADA JAWATAN TIMBALAN MENTERI

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Timbalan Menteri Perusahaan Utama Siti Zainab Abu Bakar hari ini dipecat daripada jawatannya dan digantung daripada Umno berhubung isu penyelewengan RM1.8 juta daripada akaun Pergerakan Wanita Umno.

Tindakan terhadap Siti Zainab, 56, yang memegang jawatan Bendahari Wanita Umno semasa kepimpinan Datuk Seri Rafidah Aziz itu diumumkan oleh Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

Turut digantung daripada parti ialah Senator Habshah Osman, bekas Setiausaha Wanita Umno.

Anwar selaku Pemangku Presiden Umno berkata keputusan itu dibuat hasil siasatan jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Bendahari Umno Tun Daim Zainuddin yang mendapati mereka berdua bertanggungjawab menimbulkan masalah menutup akaun dan memindahkan RM1.8 juta daripada akaun Wanita dengan cara yang salah tanpa pengetahuan Rafidah.

Siti Zainab adalah anggota Parlimen kawasan Tebrau dan merupakan wanita Malaysia pertama diiktiraf sebagai akauntan bertauliah. Beliau pernah menjadi pengerusi Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) dan Ketua Akauntan Pernas sebelum dilantik timbalan menteri selepas pilihan raya umum 1995.

MT juga menggantung bekas anggota Exco kerajaan negeri Melaka Datuk Sahar Arpan daripada semua jawatan dalam Umno sehingga kesnya di mahkamah mengenai tiga tuduhan rasuah selesai.

"Tun Daim telah memanggil Siti Zainab dan Habshah sebanyak dua kali untuk mendengar penjelasan dan rayuan mereka berhubung akaun Wanita Umno itu," katanya.

Anwar berkata daripada kenyataan mereka berdua, mereka (Siti Zainab dan Habshah) mengaku bertanggungjawab menutup dan memindahkan wang daripada akaun itu.

Ketika menjawab soalan pemberita, Anwar berkata: "Perbuatan kedua-dua yang terlibat itu adalah di luar pengetahuan bekas Ketua Pergerakan Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Anwar berkata tindakan lanjut tidak perlu diambil terhadap kedua-dua yang terlibat (Siti Zainab dan Hahshah) kerana tindakan yang diambil adalah berdasarkan kepada siasatan dalaman parti, bukannya siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) atau polis.

"Kita ambil inisiatif setelah mendapat maklumat, dan jawatankuasa-jawatankuasa parti serta kita ambil tindakan sekadar melihat keupayaan dan bidang kuasa parti," katanya.

"Setakat ini saya fikir tindakan lanjut tidak perlu diambil kerana wang telah dipulangkan dan tindakan telah diambil. Mengenai wang yang sebahagian lagi itu sudah ada penjelasan dibuat oleh Bendahari kepada saya bahawa mereka dalam proses menyerahkan kembali," katanya.

Ketika menjawab satu soalan lain Anwar berkata: "Pada fikiran saya, prosedur itu adalah betul. Saya rasa Setiausaha Agung telah membuat perbandingan sebelum ini mengenai perkara itu, walaupun bagi sebuah pertubuhan kecil. Mereka sepatutnya sudah tahu, walaupun pada peringkat cawangan, mereka sepatutnya tahu bahawa apabila seseorang bukan lagi memegang jawatan, dia hendaklah memindahkan harta, aset dan akaun kepada pemegang jawatan yang baru dipilih.

"Saya rasa ini bukanlah isu yang begitu kompleks. Tetapi supaya ia tidak berulang lagi, Bendahari telah diminta membuat garis panduan dan

prosedur yang spesifik yang perlu dipatuhi oleh mereka yang memegang jawatan pada semua peringkat," katanya.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman ketika ditanya pemberita enggan mengulas lanjut tentang keputusan MT menggantung keanggotaan kedua-dua bekas pemimpin Wanita itu.

Beliau hanya berkata: "Siasatan dan tindakan yang diambil adalah urusan dalaman parti. Saya gembira sebahagian lagi wang itu akan dikembalikan."

Sementara itu Anwar juga menyatakan bahawa dua anggota Umno Kuala Selangor, Muhyat Mohd Yusuf dan Hamzah Jalil, dipecat daripada parti kerana menyokong Pas semasa pilihan raya kecil Permatang dan Kuala Selangor baru-baru ini.

Siasatan terhadap akaun pergerakan Wanita diumumkan oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat MT pada 12 April ekoran laporan yang dibuat terhadap akaun berkenaan.

Pada mesyuarat MT bulan lepas, Dr Mahathir berkata MT telah mengenal pasti pemimpin pergerakan Wanita Umno yang terbabit dalam kes penyelewengan akaun pergerakan itu dan mengarahkan supaya wang itu dipulangkan.

Dr Mahathir bagaimanapun tidak menyatakan identiti pemimpin itu kerana perkara itu membabitkan urusan dalaman parti tetapi mengesahkan Rafidah dan ketua wanita sekarang Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman tidak terbabit. --

BERNAMA

TM NMO